

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

22. Nyatakan jumlah berat sampah sungai (metrik *ton*) yang dipungut dari Sungai Pinang mengikut bulan dari tahun 2014-2018.
- (a) Apakah tindakan kerajaan terhadap penyumbang sampah sungai yang juga merupakan faktor utama banjir berlaku?
 - (b) Apakah perancangan dan penaiktarafan kaedah pengutipan sampah dari sungai masa depan untuk menangani masalah ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Jumlah berat sampah sungai (tan metrik) yang dipungut dari Sungai Pinang mengikut bulan, dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Kerajaan Negeri amat memandang serius terhadap isu pembuangan sampah ke dalam sungai ini. Oleh yang demikian, tindakan penguatkuasaan ke atas individu-individu yang sengaja membuang sampah ke dalam sungai diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, termasuklah tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha yang mengalirkan sisa buangan ke dalam longkang dan parit awam yang akhirnya disalurkan ke dalam sungai. Kompaun juga dikeluarkan kepada pengusaha yang tidak memasang perangkap gris di premis mereka yang mengakibatkan pelepasan sisa

minyak ke dalam sistem saliran. Selain itu, kempen kesedaran mengenai perlunya menjaga kebersihan sungai juga turut diadakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di pelbagai peringkat, kepada penduduk setempat, pelajar sekolah dan kanak-kanak tadika.

- (b) Kerajaan Negeri melalui JPS sedang melaksanakan pemasangan alat kutipan sampah secara automatik yang dikenali sebagai '*auto rake system*' di lokasi-lokasi yang bersesuaian.